

NO. SOALAN : 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN :

**YB. Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- (a) impak positif kemasukan pelancong dari China sehingga suku kedua 2017 setelah Kerajaan telah membenarkan permohonan eVisa termasuk pilihan tanpa visa (eNTRI); dan
- (b) adakah Kerajaan bersedia untuk memperluaskan kaedah ini bagi pelancong dari negara India, Bangladesh, Nepal dan Myanmar sebagai langkah promosi sektor pelancongan negara.

30

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Setelah program visa elektronik (eVISA) termasuk pilihan tanpa visa (eNTRI) diperkenalkan oleh Kerajaan pada 1 Mac 2016, statistik bagi kedatangan pelancong-pelancong dari China yang melawat ke Malaysia dari bulan Januari sehingga Ogos 2017 telah menunjukkan peningkatan yang positif berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2016 iaitu pertambahan sebanyak **8.3%**. Bagi tempoh ini pada tahun 2017, negara telah menerima seramai **1,523,846** orang pelancong berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2016 dengan jumlah pelancong seramai **1,406,417**.

Setakat bulan Jun 2017, terdapat sejumlah **129,483** permohonan eVISA dan **273,362** permohonan eNTRI yang telah dikeluarkan di negara China. Berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2016, bilangan permohonan eVISA telah meningkat sebanyak **87,736** permohonan manakala bilangan permohonan eNTRI telah bertambah sebanyak **228,321** permohonan. Selain itu, jumlah pendapatan daripada pelancong China pada tahun 2016 adalah sebanyak **RM7.92 bilion**, menunjukkan peningkatan sebanyak **38.2%** berbanding dengan jumlah pendapatan daripada pelancong China pada tahun 2015 yang sebanyak **RM5.73 bilion**.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program eVISA telah pun diperkenalkan pada 1 April 2016 yang merangkumi negara Bangladesh, India, Myanmar dan Nepal.

Program e-visa bukan sahaja mampu membawa negara ke tahap keselamatan yang lebih tinggi malah membantu mempromosikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih selamat untuk rakyat, pelancong dan komuniti perniagaan. Melalui program tersebut juga, Kementerian yakin ia dapat membantu mempromosikan Malaysia sebagai pusat pelancongan, pendidikan, pelancongan kesihatan dan perubatan serta pelaburan antarabangsa yang tersohor di seluruh dunia.

Sekian, terima kasih.

32

SOALAN (11)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]

SOALAN :-

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian ke arah Matlamat Pelupusan Terbuka Sifar Menjelang 2020 serta sejauh manakah penggunaan teknologi insinerator mampu mengurangkan kesan gas rumah hijau dalam pengurusan sisa pepejal.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pelupusan sisa pepejal di Malaysia terbahagi seperti berikut:

(i) Tapak pelupusan terbuka (*dumpsite*)

Tapak pelupusan di mana sisa pepejal terkawal ditempatkan secara kekal dan ia tidak dilengkapi dengan sistem kawalan pencemaran yang sistematik.

(ii) Tapak pelupusan sanitari

Tapak pelupusan di mana sisa pepejal diuruskan dengan kaedah yang bersistematik dan dilengkapi dengan sistem kawalan pencemaran seperti liner, sistem pengumpulan leachate, loji rawatan leachate dan sistem pengumpulan gas bagi mengurangkan impak pencemaran alam sekitar.

Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam mengurangkan jumlah tapak pelupusan terbuka (*dumpsite*) di negara ini adalah dengan melaksanakan projek menaik taraf

tapak pelupusan terbuka kepada tapak pelupusan sanitari berpusat dan bersepadu serta melaksanakan projek penutupan selamat tapak-tapak pelupusan secara berperingkat. Walau bagaimanapun, ia memerlukan suatu tempoh masa memandangkan kos pembinaan tapak pelupusan sanitari memerlukan peruntukan yang tinggi.

Kerajaan juga sedang merancang untuk membina loji insinerator di beberapa buah kawasan yang mempunyai penjanaan sisa yang tinggi seperti di Kuala Lumpur bagi mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dilupuskan ke tapak pelupusan. Pengoperasian loji insinerator ini tidak menghasilkan gas metana yang boleh menyumbang kepada pemanasan global dan ia juga boleh mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dapat sebanyak 75% berbanding daripada tapak pelupusan terbuka. Fungsi loji insinerator bukan sahaja sebagai salah satu teknologi rawatan sisa pepejal malahan ia merupakan salah satu inisiatif pemerolehan semula tenaga diperbaharui dan ia juga adalah salah satu inisiatif *waste to wealth*.